



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL  
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR  
AWAM (EKSA) KEPADA JABATAN  
PERSEKUTUAN DI SABAH**

**14 APRIL 2015 (SELASA)**

**PEJABAT SETIAUSAHA  
PERSEKUTUAN SABAH**

Bismillahirrahmaanirrahim

Terima kasih Saudara/i Pengacara  
Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakaatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia:  
Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan dan Salam Kegemilangan

Yang Berbahagia Datuk Borhan Bin  
Dolah,

Setiausaha Persekutuan Sabah

Yang Berusaha Dr. Suhazimah Binti Dzazali,  
Timbalan Ketua Pengarah (TMK),  
MAMPU.

Yang Berusaha Encik Shahrir bin Mohammad Zakey  
Pengarah MAMPU Sabah

Pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil daripada:

- i. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah;

- ii. Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah;
- iii. Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah;
- iv. Penjara Wanita Kota Kinabalu; dan
- v. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmadshah.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana telah memberikan kita semua ruang masa dan nikmat kesihatan sehingga dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis yang bermakna ini.
2. Saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah selaku pengajur utama majlis pada hari ini untuk bersama tuan-tuan dan puan-puan sempena Majlis Penyampaian Sijil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Sesungguhnya majlis yang

diadakan pada hari ini tidak lain daripada bertujuan untuk merai dan mengiktiraf usaha memperkuuh budaya nilai dan etika kerja cemerlang dalam kalangan warga agensi sektor awam khasnya di negeri Sabah.

## **PENJENAMAAN SEMULA AMALAN**

## **5S SEKTOR AWAM**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Apa yang kita lakukan semalam mungkin tidak lagi relevan pada hari ini. Dalam menjadikan Sektor Awam di

Malaysia ini terunggul menjelang tahun 2020, kita tiada pilihan kecuali mengatur strategi untuk beranjak daripada kaedah penyampaian perkhidmatan konvensional kepada pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif melalui penghasilan ciptaan-ciptaan baharu yang melangkaui ekspektasi rakyat.

4. Mahatma Gandhi pernah menyatakan bahawa “*You must be the change you wish to see in the world*”. Menyedari hakikat bahawa pengurusan persekitaran kerja masih lagi signifikan dalam memastikan

budaya kerja yang berprestasi tinggi, MAMPU telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dengan memberikan suntikan elemen pembaharuan dan penambahbaikan kepada Amalan 5S yang dilaksanakan sebelum ini.

5. Langkah penjenamaan semula ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan budaya kreatif dan

inovatif dalam kalangan agensi-agensi sektor awam.

6. Secara khususnya, penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan agensi kerajaan:
  - a) meningkatkan imej korporat;
  - b) menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan *Go Green*;
  - c) menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan *stakeholders*;

- d) memperluaskan pelaksanaan di agensi-agensi Kerajaan; dan
- e) memastikan elemen pengauditan memenuhi keperluan kepelbagaian organisasi/ agensi Kerajaan.

7. Pengenalan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi Kriteria Generik dan Kriteria Khusus turut mengambil kira kepelbagaian premis agensi Kerajaan mengikut jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan *one-size-fits-all* yang dipraktikkan sebelum ini didapati

kurang memadai untuk memenuhi keperluan kepelbagaian agensi Kerajaan pada masa ini.

## **PEMBUDAYAAN AMALAN EKSA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pembudayaan EKSA di tempat kerja membantu meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi, yang mana hasilnya dapat dilihat melalui kualiti penyampaian perkhidmatan agensi kepada *client* atau pelanggan kita. Sejak penjenamaan semula EKSA pada

tahun 2013, sebanyak 52 agensi Sektor Awam di negeri Sabah telah dipersijilkan EKSA. Statistik ini membuktikan penerimaan yang positif oleh Agensi Sektor Awam di negeri ini.

9. Dalam menyahut seruan Tan Sri KSN untuk merakyatkan perkhidmatan awam, diharap Agensi Sektor Awam di negeri Sabah ini bukan sahaja menjadi *benchmark* oleh agensi sektor awam di negeri-negeri lain tetapi dapat menerajui penanda aras atau *leading the benchmark* dalam usaha mentransformasikan penyampaian

perkhidmatan kerajaan ke arah yang lebih cemerlang.

## **HARAPAN DAN PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Besarlah harapan saya agar dengan persijilan semula EKSA ini akan menyemarakkan lagi semangat para hadirin sekalian untuk terus memperkuuh budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif di dalam sektor awam.

11. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian atas kejayaan membudayakan EKSA di peringkat jabatan/agensi masing-masing sehingga berjaya memperoleh '**persijilan semula**' EKSA daripada MAMPU.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wasalam  
mualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.